



## Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 3


### Kertas Penulisan

Nama :

Tarikh : 28 Oktober 2021

Kelas :

A) Susun perkataan menjadi ayat yang betul berdasarkan gambar.  
Taipkan jawapan.



1.

bergotong-royong

penduduk

taman permainan

membersihkan

Beberapa orang

2.

disapu dan dikumpulkan

plastik sampah

dalam

Sampah sarap

3.

Encik Ramli

dengan

mesin rumput

memotong rumput

menggunakan

4.

membaiki buaian

Encik Lim

dan

sedang

Wilson

yang rosak

5.

anak-anaknya

menanam

Encik Wong

dan

taman permainan

di tepi

anak pokok

B) Baca notis di bawah, kemudian lengkapkan petikan dengan perkataan yang sesuai. Taipkan jawapan.

### Notis Penting

Perhatian kepada ahli Persatuan Bahasa Melayu

- Lawatan ke rumah mangsa tanah runtuh, iaitu Encik Lim Wah akan diadakan pada:  
Hari : Rabu (17 November)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat berkumpul : Kantin sekolah
- Sila bawa sumbangan masing-masing.
- Untuk maklumat lanjut, boleh berjumpa guru penasihat Persatuan Bahasa Melayu, Cikgu Irdina.

Notis di atas berkaitan dengan lawatan ke rumah mangsa tanah runtuh. Lawatan ini ditujukan kepada (1) \_\_\_\_\_.

Lawatan akan diadakan pada (2) \_\_\_\_\_. Ahli persatuan mesti berkumpul di (3) \_\_\_\_\_ pada pukul (4) \_\_\_\_\_. Ahli persatuan boleh membawa sumbangan masing-masing pada hari tersebut. Jika ingin maklumat lanjut, boleh berjumpa dengan Cikgu Irdina, iaitu (5) \_\_\_\_\_.

C) Lengkapi ayat berikut dengan frasa yang sesuai. Taipkan jawapan.

- mencari makna perkataan yang sukar.
- mencari maklumat tentang dunia haiwan.
- mengajaknya ke perpustakaan.
- menghantar pesanan ringkas kepada kawan-kawannya di Tawau.



Max melayari internet untuk



Yumi menggunakan telefon pintar untuk



Rita menghubungi Tze Ying untuk



Vincent menggunakan kamus elektronik untuk